

10/08/1998

Ganjaran RM90,000 menanti atlit emas

Hussain Said

DI sebalik keributan yang menyelubungi pemilihan ke Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, khabar gembira menanti atlit yang menerokai kegemilangan dalam temasya yang bermula 11 September ini.

Atlit yang memenangi pingat emas dijanjikan habuan RM90,000 - RM80,000 daripada Skim Hadiah Kemenangan Majlis Sukan Negara (MSN) dan RM10,000 lagi daripada sebuah syarikat korporat yang akan mengumumkannya hari ini.

Malah, syarikat korporat itu turut menjanjikan RM30,000 kepada pasukan melebihi lima orang yang turut memenangi pingat emas.

Skim Hadiah Kemenangan MSN turut menawarkan RM40,000 bagi pingat perak dan RM20,000 untuk gangsa.

Ketua Pengarah MSN, Datuk Mazlan Ahmad, berharap atlit menjadikan pelbagai ganjaran berkenaan sebagai rangsangan dalam persiapan mereka menghadapi temasya itu.

"Memang ganjaran adalah sesuatu yang penting, terutama buat atlit yang banyak berkorban mengharumkan nama negara."

"Tetapi, ingatan saya kepada mereka supaya tidak harus dikaburi dengan ganjaran, sebaliknya harus menumpukan perhatian dan menganggapnya sebagai sokongan moral dalam memastikan pingat untuk negara," katanya semalam.

Dia berkata demikian ketika ditemui dalam Peraduan Melukis Sempena Sukan Komanwel di Stadium Putra yang disertai 12,000 pelajar yang bertujuan membangkitkan kesedaran pelajar mengenai Sukan Komanwel.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, serta Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Dalam penyertaan empat tahun lalu di Victoria, kontinjen negara sekadar meraih dua emas menerusi Rashid Sidek dan Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock - kedua-duanya dalam acara badminton.

Tiga perak diperolehi Ong Ewe Hock, berpasukan badminton dan peserta angkat berat, Matin Guntali manakala dua gangsa menerusi beregu, Ewe Hock-Tan Kim Her dan Lee Wai Leng-Tan Lee Wai.

Dalam temasya kali ini, MSN mensasarkan tujuh emas - tiga daripadanya menerusi badminton, angkat berat dan menembak.

Menurut Mazlan, MSN menjangkakan lebih banyak syarikat korporat akan tampil menawarkan ganjaran untuk membantu dalam menaikkan semangat atlit biarpun negara dilanda kegawatan ekonomi.

Sementara itu, Mazlan berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan Jalur Gemilang serta amanat kepada kontinjen negara di Stadium Putra, Rabu ini.

Bagaimanapun, ketika diminta mengulas kemelut terbaru dalam pemilihan gimnas, Mazlan enggan.

"Tunggu saja Selasa ini apabila pemilihan terakhir dibuat."

(END)